

Gah!

Tiga pelajar cemerlang Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) ini memilih institusi seni sebagai ruang mengembangkan dan memperkasa minat dalam bidang grafik, muzik dan seni bina. Setiap daripada mereka melihat seni itu lebih daripada setakat indah untuk dinikmati pancaindera. Selebihnya, ia mampu menjadikan kehidupan masyarakat lebih sejahtera. Wartawan **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg) melaporkan di sekitar majlis konvokesyen Nafa, baru-baru ini.

Siswa grafik 'Kelas Pertama' Nafa mahu bangun ruang bincang pereka

DEMI menggembirakan ibu bapanya yang kluatir tentang masa depannya, Encik Muhammad Izzul Islam Jumat memilih kursus perniagaan di Politeknik Singapura (SP).

Namun, apabila permohonannya ditolak dan beliau diberi kursus Diploma Komunikasi Visual dan Reka Bentuk Media, pemuda ini akur ada hikmahnya.

Pada waktu itu, Encik Muhammad Izzul, kini 23 tahun, menyedari aspek seni seperti grafik dan karya pemasangan sesuai buatnya.

Kerja keras dan minat yang ditunjukkan sehingga ke peringkat ijazah jurusan komunikasi grafik di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), membawa hasil.

Ahad lalu, Encik Muhammad Izzul menerima ijazah Kepujian Kelas Pertama di majlis konvokesyen di Teater Yayasan Lee, Kampus 3, Nafa di Bencoolen Street.

Beliau antara 845 pelajar peringkat diploma dan ijazah yang tamat pengajian di Nafa, tahun ini.

Jumlah tersebut mencatat rekod lulusan paling ramai dalam sejarah Nafa.

Encik Muhammad Izzul juga satu-satunya lulusan Melayu dari Nafa yang meraih ijazah Kepujian Kelas Pertama.

Ketika ditemui *Gah!*, anak ketiga dalam keluarga empat beradik itu, menjelaskan:

"Seperti ibu bapa lain, orang tua saya juga risaukan masa depan saya dan kurang yakin seni akan membuka pintu rezeki yang luas di masa hadapan.

"Justeru itu, saya memilih bidang perniagaan bagi memberi kelegaan buat mereka.

"Sewaktu mendapat kursus komunikasi visual dan reka bentuk media, saya menyedari itulah jalan yang Tuhan tetapkan buat saya.

"Saya beriklan yang terbaik pada tahun akhir pengajian. Momentum ini diteruskan di Nafa kerana saya benar-benar berminat menyumbang dalam industri komunikasi grafik.

"Alhamdulillah, ayah saya kini menyokong minat saya terhadap seni ini."

Encik Muhammad Izzul menyifatkan bidang grafik itu melatih mata-



BANYAK BERDIKARI: Encik Muhammad Izzul Islam Jumat yang meraih ijazah Kepujian Kelas Pertama dalam Komunikasi Grafik daripada Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) pelajari erti berdiikari dalam menggali idea menghasilkan kerja grafik berfungsi. - Foto-foto BH oleh HARYANI ISMAIL

"Jangan pendamkan idea buat pengetahuan sendiri kerana bimbang idea boleh dicuri. Melalui perkongsian, masyarakat pereka grafik akan lebih maju."

- Encik Muhammad Izzul Islam Jumat.

nya agar peka dengan tarikan sekitaran di samping pantas mengenal pasti unsur keindahan.

"Sebagai pereka grafik, kita bebas menjana idea kreatif. Cabarannya hanya terletak pada kesungguhan menjana semangat berdiikari.

"Tiada siapa yang akan memberi anda segala maklumat yang anda perlukan. Anda perlu cari sendiri

idea tersebut dan rancang kerja seni anda," kongsinya.

Menyedari bahawa masyarakat pereka grafik adalah golongan yang rata-rata lebih menyendiri dan berdiikari dalam proses menjana idea, beliau mengharapkan perkongsian dalam suasana terbuka dapat diwujudkan di masa akan datang.

Katanya yang mencipta ruang

persis sesi forum di laman Internet buat masyarakat pereka grafik bagi projek tahun akhirnya:

"Wadah ini menggalakkan perkongsian dan pertukaran idea antara karyawan grafik mapan dengan anak muda yang baru berjinak-jinak dalam bidang ini.

"Saya rasa inilah kekurangan yang perlu diisi dalam masyarakat

pereka grafik. Kebanyakan masa kerja grafik hanya dinilai dari segi keindahannya dan bukan peranan, fungsi dan matlamatnya.

"Karyawan reka bentuk perlu bersikap terbuka terhadap kritikan membina dan berani menyuarakan pendapat.

"Dengan berkongsi, kita akan lebih banyak belajar daripada mereka yang lebih berpengalaman termasuk karyawan grafik bertaraf antarabangsa di luar negara.

"Jangan pendamkan idea buat pengetahuan sendiri kerana bimbang idea boleh dicuri. Melalui perkongsian, masyarakat pereka grafik akan lebih maju."

Encik Muhammad Izzul kini menjalankan beberapa projek bebas dan berharap dapat bekerja di studio rekaan suatu hari nanti.

Rancang rentak belajar muzik lebih santai

CIK Nur Diyanah Amani Abdul Razak masih teringat rasa bosan menyaluti jiwa ketika beliau perlu ke kelas muzik di sekolah rendah dan menengah.

Kadangkala dalam menyiapkan diri bagi peperiksaan muzik peringkat Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'O', Cik Nur Diyanah pernah rasa tertekan sehingga tidak mampu tidur.

Ia jauh beza daripada kelas piano yang beliau ikuti di Sekolah Muzik Yamaha seawal usia dua tahun setengah.

Maka apabila gadis berusia 20 tahun itu memilih kursus Diploma Pengajaran Muzik di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), beliau bertekad menimba seberapa banyak ilmu di samping memanfaatkan daya kreatif agar tidak menjuhkan bakal pelajarnya.

Kesungguhan Cik Nur Diyanah dalam bidang pengajaran muzik jelas menyerlah apabila beliau dinobatkan sebagai Pelulusan Terbaik kursus tersebut, baru-baru ini.

Cik Nur Diyanah yang menerima tajaan Kementerian Pendidikan (MOE) bagi pengajian tiga tahun di Nafa, berkata:

"Saya dihantar ke sekolah muzik sejak kecil lagi kerana mempelajari muzik merupakan impian ibu bapa saya.

"Mereka ingin lihat saya mendalami alat muzik piano kerana mereka tidak berkesempatan mempelajarinya kerana kos pengajian tinggi.

"Sungguhpun begitu, ada tempoh di mana saya rasa saya memaksa diri ke kelas muzik di sekolah rendah dan menengah. Tak seronok langsung kerana ia bersandarkan buku teks.

"Sewajarnya, kelas muzik itu menyeronokkan dan kurang tekanan. Sebaliknya, ia menimbulkan rasa bosan.

"Kerana itu, saya bertekad ingin mewujudkan sekitaran pembelajaran muzik yang santai apabila saya mengajar kelak.

"Saya yakin kelas muzik bukanlah bagi mencorak seseorang menjadi pemuzik tetapi memberikan ruang bermafas daripada tekanan subjek lain."

Cik Nur Diyanah yang juga boleh menggesek biola lebih cenderung kepada muzik klasikal meskipun dirinya terbuka pada pelbagai genre muzik masa kini.

Anak kedua dalam tiga beradik itu kini menjalani satu tahun pen-



WARNAI KELAS MUZIK: Cik Nur Diyanah Amani Abdul Razak ingin pembelajaran muzik menjadi ruang bagi pelajar nikmati keindahan muzik dan fungsinya dalam kehidupan seharian.

gajian bergelar pendidik di Institut Pendidikan Nasional (NIE) sebelum bertekad meneruskan pengajian ke peringkat ijazah.

"Di Nafa, saya belajar tentang banyak pedagogi pendidikan muzik. Anda dapat menyelami seni muzik dengan cara berbeza.

"Misalnya, ada kaedah pengajaran yang menggunakan suara sebagai teknik improvisasi. Ada pula yang membuatkan anda menggunakan keseluruhan tubuh anda persis alat muzik.

"Alat muzik asas yang diajar di sekolah rendah juga bukan lagi setakat harmonika dan rekoder. Ada xilofon dan kaedah digital lain," kongsinya.

Cik Nur Diyanah juga mengatasi rasa malu membuat persembahan muzik di khalayak ramai dalam suasana gah di Dewan Konser Victoria.

"Awalnya, saya segan apabila ramai termasuk karyawan muzik bukan calang-calang yang menonton dan menilai. Lama-kelamaan

"Sewajarnya, kelas muzik itu menyeronokkan dan kurang tekanan... Kerana itu, saya bertekad ingin mewujudkan sekitaran pembelajaran muzik yang santai apabila saya mengajar kelak."

- Cik Nur Diyanah Amani Abdul Razak

ia menjadi perkara biasa. "Penting bagi pelajar kursus ini menanam cinta pada muzik dan ketepikan segala stereotaip tentang muzik klasikal. Datang dengan minda terbuka bagi menerima apa jua genre muzik," tambahnya.

Lulusan terbaik berjiwa masyarakat Dunia Ketiga

JAUH perjalanan, luas pemandangan.

Dalam jauh berjalan, seseorang itu juga tidak harus gentar berespremen demi meraih ilmu baru.

Berbekalkan jiwa masyarakat dan hobi mengembara, Encik Abdul Hakeem James Hausley, 24 tahun, bercita-cita menjadi jurubina khusus bagi negara Dunia Ketiga.

Baru-baru ini, anak warga Amerika kulit hitam dan beribukota wanita Melayu, dinobatkan sebagai Lulusan Terbaik kursus Diploma Reka Bentuk (Landskap dan Seni Bina) di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa).

Bekas pelajar animasi digital di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) MacPherson itu berkata:

"Saya pernah lalu tempoh di mana saya sendiri tidak pasti bidang apa yang menjadi kekuatan saya.

"Saya banyak mencuba dan gagal. Di ITE, saya tidak berminat dalam kursus yang diambil.

"Permohonan saya bagi mengambil kursus seni halus di Nafa dan Maktab Seni Lasalle pun pernah ditolak sebelum ini.

"Hanya setelah berbual dengan teman-teman ibu saya, barulah saya menaruh minat dalam bidang reka bentuk (landskap dan seni bina) ini.

"Saya rasa bidang ini akan lebih mendekatkan saya dengan masyarakat kerana saya menghasil-

kan sesuatu bukan bagi kepentingan sendiri tetapi kegunaan orang lain. Maka, saya perlu tahu cita rasa mereka."

Encik Abdul Hakeem, anak kedua tiga beradik, yang menetap bersama ibu dan bapa tiri, akur sudah ramai jurubina menghasilkan bangunan indah dan kemudahan buat penduduk Dunia Pertama.

"Apabila saya mengembara ke merata dunia, baik di Eropah atau

"Apabila saya mengembara... saya buat perbandingan dan rasa masih banyak yang boleh saya lakukan bagi membantu penduduk di negara Dunia Ketiga. Itu juga satu cara saya melaksanakan kerja kebajikan dalam cara saya sendiri sebagai karyawan seni bina."

- Encik Abdul Hakeem James Hausley.

Asia berbekalkan minat pada fotografi, saya buat perbandingan dan rasa masih banyak yang boleh saya lakukan bagi membantu penduduk di negara Dunia Ketiga.

"Itu juga satu cara saya melaksanakan kerja kebajikan dalam cara saya sendiri sebagai karyawan seni bina," ujarnya.

Dalam menghasilkan rekaan, anak muda itu meraih inspirasi daripada seniman Sepanyol berbilang bakat, Pablo Picasso.

"Unsur rekaan saya ada aspek kesenian memandangkan saya pernah bertekad menjadi pelajar seni halus suatu ketika dahulu. Saya juga senangi falsafah jurubina Jepun yang mendalam perlambangannya dalam setiap rekaan yang dijana.

"Saya utamakan ruang dalam setiap rekaan seni bina. Konteks bandar sibuk seperti Singapura juga diambilkira.

"Namun, seberapa boleh, menerusi rekaan saya, saya mahu wujudkan peluang buat orang ramai menggunakan deria mereka. Manfaat pancaindera kita selalu dilupakan dalam kesibukan seharian.

"Misalnya, projek tahun akhir saya bersandarkan keinginan mengajak orang ramai menikmati suasana tenang rimba meskipun dalam konteks bandar," tambahnya yang kini mengikuti ijazah dalam reka bentuk ruang di Nafa.



SALUR BAKTI MENERUSI SENI BINA: Lulusan Terbaik kursus Diploma Reka Bentuk (Landskap dan Seni Bina), Encik Abdul Hakeem James Hausley, berharap dapat bertugas di firma seni bina yang khusus membangun kemudahan buat penduduk negara Dunia Ketiga.